

MSWG**MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

21.03.2014

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Kenyataan ringkas Kian Joo Can Factory Bhd yang menyatakan bahawa “ia tidak dapat mempertimbangkan surat kepentingan tidak terikat yang diterima daripada Toyota Tsusho Corp (TTC)” perlu diteliti dengan lebih mendalam.

Mengapakah Kian Joo tidak memberikan alasan mengapa ia tidak dapat mempertimbangkan tawaran TTC yang lebih tinggi pada harga RM3.74 sesaham? Walaupun tawaran ini tidak terikat, ianya masih satu tawaran. Mengapakah Lembaga Pengarah merasakan tawaran ini tidak layak untuk dipertimbangkan? Tidakkah pemegang saham minoriti berhak menerima tawaran ini?

Dagangan saham Bernas telah digantung berikutan pemberi tawaran telah mencapai tahap 90% pemilikan untuk menyahsenaraikan saham dan mereka juga tidak berhasrat untuk kekal tersenarai di Bursa Malaysia. Oleh itu, para pemegang saham yang masih memegang saham Bernas perlu sedar mengenai status pegangan mereka di dalam syarikat yang tidak lagi tersenarai. Pengambilalihan wajib bagi kesemua baki saham Bernas hanya boleh dilaksanakan kira pemberi tawaran dapat memiliki lebih daripada 98.37% pegangan saham.

Dalam hal berasingan, rangka kerja kadar rujukan baharu Bank Negara Malaysia bagi menggantikan kadar pinjaman asas (BLR) bermakna bank-bank akan mempunyai fleksibiliti untuk menentukan kadar pinjaman yang ditawarkan kepada pelanggan berdasarkan kos pembiayaan institusi kewangan masing-masing ditambah margin berdasarkan profil risiko pelanggan. Oleh itu, ianya akan mencerminkan kadar pasaran yang fleksibel.

Menyentuh perkembangan antarabangsa, penyenaian mega syarikat gergasi e-perdagangan Alibaba Group Holding Ltd di Bursa Saham New York dan bukannya di Hong Kong mungkin mempunyai hikmah di sebalik jumlah yuran penyenaian besar yang telah diketepikan oleh Bursa Saham Hong Kong. Permintaan Alibaba supaya Bursa Saham Hong Kong melonggarkan peraturan “satu pemegang saham, satu undi” untuk memenuhi kesesuaian Alibaba mungkin akan mewujudkan satu misalan (*precedent*). Jika kehendak tersebut dituruti, sebarang syarikat besar dan berpengaruh yang mempunyai kepentingan kewangan tinggi juga akan mencuba membengkokkan peraturan mengikut kesesuaian syarikat mereka.

Nampaknya kebuntuan yang telah memakan masa berbulan-bulan melibatkan pemilik Bursa Saham Hong Kong iaitu Hong Kong Exchanges & Clearing Ltd dan pihak kawal selia, Suruhanjaya Sekuriti dan Niaga Hadapan tidaklah sia-sia. Pihak kawal selia Hong Kong kekal tegas untuk tidak meluluskan cadangan Alibaba supaya rakan-rakan kongsinya tidak boleh mencalonkan majoriti ahli lembaga

pengarah selepas penyenaian. Struktur yang dicadangkan oleh Alibaba tersebut akan memberikan pengasas Alibaba kawalan berterusan ke atas lembaga pengarah yang pastinya akan melanggar secara material peraturan “satu pemegang saham, satu undi” yang dilaksanakan di Hong Kong.

Arus perubahan juga nampaknya akan berlaku di Berkshire Hathaway, di mana pemegang saham minoriti memohon supaya Ketua Pegawai Eksekutif, Warren Buffet membayar dividen kepada pemegang saham -- buat julung kalinya sejak tahun 1967. Rasional mereka mudah dan berasas -- di mana kami juga bersetuju dengan pandangan tersebut.

Berkshire bukan sahaja mempunyai jumlah dana yang tinggi, melebihi apa yang diperlukan untuk keperluan pertumbuhan modalnya, malah ianya telah berkembang ke satu tahap di mana peluang untuk mengulangi kejayaan cemerlang yang telah dicapai selama ini akan menjadi lebih sukar.

Mungkin sudah tiba masanya bagi Buffet dan rakan kongsinya Charlier Munger untuk memperkenalkan profil penajaan pendapatan di dalam Berkshire di mana Buffet sendiri sangat gemar melabur di dalam syarikat-syarikat berprofil sebegini.

Salam,

Rita

KEMASKINI MAKLUMAT PASARAN DAN KAWAL SELIA MARKET

RANGKA KERJA KADAR RUJUKAN BARU NEW REFERENCE RATE FRAMEWORK

Bank Negara Malaysia (“BNM”) hari ini mengumumkan bahawa berkuat kuasa 2 Januari 2015, Kadar Asas akan menggantikan Kadar Pinjaman Asas (*base lending rate, BLR*) sebagai kadar rujukan utama bagi pinjaman runcit kadar terapung.

Kadar Asas akan ditentukan oleh tanda aras kos dana institusi kewangan dan Keperluan Rizab Berkanun (*Statutory Reserve Requirement, SRR*). Komponen lain dalam penentuan harga pinjaman seperti risiko kredit peminjam, premium risiko mudah tunai, kos operasi dan margin keuntungan akan dicerminkan dalam spread yang melebihi Kadar Asas. Di bawah struktur tambahan kos (*cost-plus*), spread akan sentiasa positif kerana tidak mungkin bagi institusi kewangan untuk menawarkan kadar pinjaman yang lebih rendah daripada kadar rujukan. Institusi kewangan akan diberikan fleksibiliti untuk menentukan kadar tanda aras masing-masing. Kaitan yang kuat yang dijangkakan antara Kadar Asas, kadar faedah pasaran dan Kadar Dasar Semalaman (OPR) akan membantu pelarasan yang lebih menyeluruh terhadap pembayaran balik pinjaman runcit apabila kadar faedah pasaran diselaraskan mengikut kenaikan atau penurunan dalam OPR.

Kadar Asas akan digunakan untuk pinjaman runcit kadar terapung baharu dan pembiayaan semula pinjaman sedia ada yang diberikan sejak 2 Januari 2015. Selepas tarikh kuat kuasanya, pinjaman berasaskan BLR yang diambil sebelum tahun 2015 akan terus menjadi rujukan berbanding dengan BLR. Walau bagaimanapun, apabila sesebuah institusi kewangan membuat sebarang pelarasan terhadap Kadar Asas, pelarasan yang serupa juga akan dibuat terhadap BLR. Oleh yang demikian, institusi kewangan akan dikehendaki untuk memaparkan kedua-dua Kadar Asas dan BLR di kesemua cawangan dan laman sesawang mereka.

Peralihan kepada rangka kerja kadar rujukan baharu tidak akan mempunyai sebarang impak ke atas kadar pinjaman efektif yang dikenakan kepada peminjam runcit kerana ia ditentukan oleh pelbagai faktor, termasuk penilaian institusi kewangan terhadap kedudukan kredit seseorang peminjam, kadar pendanaan pasaran dan pertimbangan yang kompetitif. Juga penting ialah perubahan-perubahan ini bukan merupakan perubahan pendirian dasar monetari Bank.

KOMEN MSWG:

Seperti yang dinyatakan di dalam pengumuman BNM, rangka kerja kadar rujukan baharu yang akan menggantikan BLR tidak akan mempunyai sebarang impak ke atas kadar pinjaman efektif, tetapi akan meningkatkan ketelusan berhubung struktur kadar pinjaman, seterusnya pengguna akan mempunyai lebih maklumat sebelum membuat keputusan yang lebih baik untuk berunding dan memilih produk pinjaman dengan kadar pinjaman yang kompetitif yang ditawarkan oleh bank.

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

KIAN JOO CAN FACTORY BERHAD (“KJCFB”)

Pada 17 Mac 2014 Lembaga Pengarah KJCFB mengumumkan bahawa syarikat telah menulis kepada Toyota Tsusho Corporation (“TTC”) untuk memaklumkan mereka bahawa KJCFB tidak dapat mempertimbangkan surat kepentingan tidak terikat TTC bertarikh 7 Mac 2014. TTC telah dimaklumkan supaya mendapatkan nasihat yang sewajarnya mengenai proses-proses yang berkaitan di bawah Keperluan Penyenaiaan Pasaran Utama dan Kod Pengambilalihan dan Percantuman Malaysia 2010 berkaitan dengan surat tawaran mereka.

KOMEN MSWG:

Walaupun Lembaga Pengarah telah menengguhkan keputusan tawaran sukarela daripada TTC, MSWG berharap Lembaga Pengarah telah mengambilkira kepentingan terbaik pemegang saham dan tidak memasuki sebarang perjanjian terikat dengan Aspire Insight Sdn Bhd mengenai tawaran pengambilalihan aset dan liabiliti sebelum mempertimbangkan tawaran daripada TTC.

HONG LEONG CAPITAL BERHAD (“HLCAP”)

Pada 18 Mac 2014 Bursa Malaysia telah memberikan amaran kepada para pelabur ekoran kenaikan tinggi harga saham HLCAP baru-baru ini. HLCAP telah sebelum ini pada 8 Mac 2013 mengesahkan bahawa ia tidak mengetahui mengenai sebarang perkembangan korporat atau penjelasan yang mungkin menyebabkan dagangan luar biasa bagi saham-sahamnya berikutan pertanyaan aktiviti luar biasa (UMA) yang dikeluarkan oleh Bursa Malaysia. Syarikat seterusnya telah menasihatkan para pelabur supaya berhati-hati apabila melakukan dagangan saham-saham HLCAP. Dalam hal ini, Bursa Malaysia ingin menasihatkan para pelabur supaya berhati-hati dan membuat keputusan yang termaklum dalam dagangan saham-saham HLCAP. Bursa Malaysia tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan pelaksanaan dagangan yang adil dan teratur bagi saham-saham HLCAP.

KOMEN MSWG:

HLCAP diniagakan pada nisbah harga-buku ("PBR") kira-kira 5.6x, iaitu lebih tinggi daripada purata di antara 1.3x dan 1.9x nilai buku bagi transaksi-transaksi terkini bagi sektor kewangan yang telah diketengahkan di dalam surat berita kami bertarikh 17 Januari 2013. Para pemegang saham perlu mengetahui bahawa jumlah saham terapung HLCAP adalah sangat rendah jadi harga saham mungkin boleh dimanipulasi dengan mudah. Oleh itu pemegang saham perlu mengambil langkah yang lebih berhati-hati apabila memegang saham sebegini yang mempunyai Beta tinggi!

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my
Chong Chee Fern, Pengurus Besar, Pemantauan Korporat chongcf@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my
Ng Hoon Ho, Pengurus Kanan, Pemantauan Korporat nghh@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Shahnul Niza Mohd Yusof, Pengurus, Penyelidikan shahnul.niza@mswg.org.my
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Penganalisa Kanan, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*
-

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.